# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# KHAMIS 14 NOVEMBER 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | 78 BUBU NAGA DIRAMPAS, NEWS, HM (UTARA) -23 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 2. | JOM KE HPPNK 2019, NASIONAL, BH -17 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 3. | ANAK POKOK MUSANG KING DIJUAL RM18, TENGAH, HM -24 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 78 bubu naga dirampas | | |
| MediaTitle | Harian Metro (Utara) | | |
| Date | 14 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4,701 |
| Page No | 23 | Readership | 14,103 |
| Language | Malay | ArticleSize | 145 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,273 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,819 |



# 78 bubu naga dirampas

**Bagan Serai:** Sebanyak 78 bubu naga pelbagai saiz dirampas pihak berkuasa dalam operasi bersepadu selama dua hari sekitar perairan Kerian di sini, berakhir semalam.

Operasi membabitkan 16 penguat kuasa Jabatan Perikanan Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM).

Ketua operasi memerangkap Ketua Pangkalan Cawangan Perlindungan Sumber Perikanan Kuala Kurau, Nazri Mohd Noh berkata, penguatkuasaan dan pemeriksaan dijalankan berdasarkan aduan diterima daripada orang awam.

"Rampasan dianggarkan bernilai RM5,460 kerana setiap satu bubu disyaki dipasang nelayan berkenaan berharga RM70.

"Kami memandang serius aktiviti ini kerana penggunaan bubu mempunyai banyak injap dan bermata kecil boleh memusnahkan ekosistem serta sumber laut dalam jangka masa panjang," katanya.

Nazri berkata, setakat ini pihaknya merampas 1,764 bubu naga dianggarkan bernilai RM124,480 hasil operasi dijalankan bermula awal tahun hingga semalam.

"Bubu naga berkenaan dirampas Jabatan Perikanan Pengkalan Kuala Kurau dan menunggu arahan untuk dilupuskan," katanya.



NAZRI (kanan) melihat bubu naga yang dirampas.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/11/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 17 |



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 14/11/2019 | HARIAN METRO | TENGAH | 24 |

# Anak pokok Musang King dijual RM18

**Serdang:** Jualan anak pokok durian Musang King, Hajah Hasmah dan Duri Hitam serendah RM18 sepokok menjadi tarikan Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (EPPKUPM) di Bukit Ekspo di sini, mulai Jumaat hingga 20 November ini.

Pengerusi EPPKUPM, Dr Yahya Awang berkata, hasil pertanian seperti sayur-sayuran, cendawan, daging rusa, kambing dan lembu serta susu segar yang dihasilkan di UPM akan dijual.

Beliau berkata, semua benih buah-buahan yang dijual UPM mendapat pensijilan Skim Pengesahan Bahan Tanaman yang memperakukan ketulenan baka, kualiti serta memenuhi standard yang ditetapkan Jabatan Pertanian.